

Kejayaan wanita Malaysia diiktiraf dunia

Kuala Lumpur: Kejayaan wanita di Malaysia dalam pelbagai bidang diiktiraf dunia apabila pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dijemput untuk membuat pembentangan di Birmingham, United Kingdom, baru-baru ini.

Pada persidangan 'Women in Science, Juggling Balls-Family and Physiology itu, Prof Madya Dr Rafidah Hanim daripada Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) USIM berkongsi kejayaan wanita di negara ini dalam kerjaya dan keluarga.

Selain beliau, lima ahli panel lain dari Brazil,

Amerika Syarikat, Mexico, Australia dan Nigeria turut diundang pada pembentangan anjuran Biochemical Society, International Union of Physiological Sciences (IUPS) yang diadakan di The International Convention Centre itu.

Pembentangan itu memberi peluang kepada setiap ahli panel membincangkan perspektif berkaitan peranan wanita mengimbangi kerjaya dan keluarga dalam kehidupan seharian dan ruang lingkup budaya serta amalan negara yang berlainan.

Kerjaya bagi

wanita Muslim

Dr Rafidah dalam pembentangannya menegaskan sebagai wanita Muslim, tiada halangan di Malaysia bagi isteri bekerja membantu suami asalkan mendapat keizinan dan sokongan daripada keluarga.

"Golongan isteri berkerjaya berperanan sebagai tulang belakang kepada suami untuk menambah pendapatan keluarga.

"Hakikatnya, tiada halangan budaya atau agama kepada kemajuan wanita kerana Islam membenarkan wanita keluar bekerja dan membina karier selagi tanggungjawab hakiki

kepada keluarga tidak terabai," katanya.

Bijak bahagi masa

Katanya, tiada perbezaan ketara antara budaya wanita di Malaysia dengan wanita negara lain dan asas penting ialah keperluan wanita berkerjaya bijak mengimbangi komitmen pada tugas dan tanggungjawab pada keluarga.

"Saya bersetuju dengan pendapat ahli panel Amerika Syarikat bahawa wanita berkerjaya harus mampu memikul pelbagai tugas dalam satu masa di samping berupaya membuat keputusan sendiri terhadap sebarang situasi.

"Dasar negara yang memberi peluang sama rata tanpa mengamalkan diskriminasi jantina berjaya membantu memacu kemajuan wanita dalam pelbagai bidang termasuk Sains," katanya.

Beliau berkata, statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menunjukkan peningkatan peratusan wanita bekerja di Malaysia iaitu 44.7 peratus pada 1995 kepada 47.3 peratus (2004).

Beliau berkata, Grant Thornton International Business Report (IBR) pula menyebut peratusan wanita bekerja di Malaysia paling tinggi iaitu 40 peratus berbanding Thailand (37 peratus) dan Singapura (36 peratus).



Rafidah (kiri) bersama-sama ahli panel dan peserta IUPS